

KENYATAAN RASMI
PEMATUHAN STANDARD OPERASI PROSEDUR (SOP)
BAGI KEMASUKAN SEMULA PELAJAR SECARA FIZIKAL KE KAMPUS UMP

1. Mesyuarat Jawatankuasa *Task Force* Pengurusan Pelajar (Norma Baharu) yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie bin Zainuddin telah menggariskan beberapa keputusan dalam memastikan pelajar sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) seperti yang telah ditetapkan di lampiran.
2. Keputusan ini merujuk kepada kenyataan rasmi yang dikeluarkan oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 2 Januari 2021 iaitu kemasukan semula pelajar secara fizikal bermula 6 Mac 2021 secara berjadual bagi mengikuti pengajian Semester II, Sesi Akademik 2020/2021.
3. UMP amat menghargai komitmen para petugas khususnya petugas kesihatan dan keselamatan dari Pusat Kesihatan UMP, Bahagian Keselamatan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa dan lain-lain jabatan yang telah bekerjasama dalam memelihara kesejahteraan warga kampus.
4. Bagi para pelajar yang memerlukan keterangan lanjut, boleh menghubungi Bilik Gerakan UMP di talian 09-549 3333 (UMP Kampus Gambang) dan 09-424 6999 (UMP Pekan) untuk mendapatkan sebarang khidmat nasihat dan prosedur yang berkaitan.

Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
24 Februari 2021

Pelajar UMP dikehendaki sentiasa mematuhi arahan berhubung kemasukan pelajar ke kampus secara berjadual seperti berikut:

- i. Kemasukan secara berperingkat mulai **6 hingga 21 Mac 2021** termasuk pelajar dari Borneo. Jumlah pelajar yang dibenarkan masuk kampus dalam kalangan enam kategori yang dibenarkan adalah seramai 4028 pelajar.
- ii. UMP menawarkan kemudahan residen kepada semua pelajar termasuk pelajar luar kampus bagi tujuan kebajikan pelajar.
- iii. Pelajar kampus luar yang telah mempunyai komitmen kontrak sewaan, pihak UMP akan membantu menyediakan kemudahan residen pelajar secara percuma sepanjang tempoh isolasi. Pelajar dibenarkan memohon untuk balik ke rumah sewa masing-masing dan persetujuan tertakluk kepada kelulusan pihak UMP.
- iv. Semua pelajar **WAJIB** menjalani saringan kesihatan di Pusat Kesihatan Universiti (PKU) dan pelajar akan dikategori mengikut tahap kesihatan bagi tujuan pemantauan sepanjang tempoh isolasi yang ditetapkan.
- v. Semua pelajar **WAJIB** menjalani sesi isolasi selama sepuluh (10) hari di residen pelajar yang telah ditetapkan.
- vi. Jawatankuasa Pemantau Isolasi juga diwujudkan bagi memastikan pematuhan terhadap SOP dan sebagai langkah pencegahan agar kampus bebas daripada ancaman penularan COVID-19.
- vii. Permohonan kembali ke kampus termasuk **surat kebenaran merentas negeri** boleh dicapai secara dalam talian melalui Sistem Kembali ke Kampus di e-Community mulai **8 Februari hingga 26 Februari 2021**.
- viii. Bantuan perkhidmatan bas bagi pelajar yang berkeperluan akan dikenal pasti oleh pihak JHEPA dengan kerjasama Yayasan UMP.
- ix. Bantuan perkhidmatan bas kepada semua pelajar dari Borneo dan pelajar antarabangsa (kecuali dari United Kingdom) disediakan dengan kerjasama Yayasan UMP bagi destinasi dari **Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ke UMP** sahaja.
- x. Universiti juga telah menerbitkan Buku Garis Panduan Kemasukan Pelajar sebagai rujukan pelajar dan pelbagai pihak.